

# AHLI2 UMNO DISERU MENJADI TELADAN

IPOH, Khamis — Ahli-ahli Umno sebagai anggota parti yang memerintah, harus memelopori dan menjadi teladan ke arah sikap rajin bekerja yang dikehendaki oleh kerajaan, Menteri Besar, Encik Ramli Ngah Talib, menegaskan semalam.

Menurut beliau, banyak yang boleh diusahakan untuk menepati konsep yang ditekankan dalam dasar pandang ke timur kerajaan.

Soalnya, kata beliau, ahli-ahli Umno dan juga rakyat umumnya perlu mempunyai sikap kesungguhan dalam apa-apa lapangan yang diceburi oleh mereka.

"Jika kita seorang petani, kesungguhan dan

kerajinan boleh meningkatkan pendapatan dari kerja-kerja pertanian dan begitu juga jika kita seorang penoreh getah, harus difikirkan apakah kerja-kerja sampingan yang patut dilakukan ketika harga menurun," tegasnya.

Encik Ramli, yang juga Ketua Bahagian Hilir Perak, memberikan nasihat ini dalam keluaran sulung lidah rasmi bahagian itu, *Berita Bahagian*.

Beliau melahirkan rasa dukacita kerana adanya tanah-tanah kosong dan terbiar seolah-olah melambangkan yang pemiliknya tidak berkeyakinan untuk mengusahakannya.

Kata Encik Ramli, soal kemudahan tidak timbul kerana pada ketika ini bantuan dan khidmat nasihat bukanlah masalah kepada kerajaan lagi.

Beliau kemudian berharap dalam jangka masa dasar pandang ke timur sekarang, perkara seperti bantuan dari kerajaan itu tidak menjadi pendorong kepada sikap kemalasan.

Encik Ramli menegaskan, sebahagian konsep yang ditekankan dalam dasar pandang ke timur ialah sikap kerajinan di kalangan rakyat yang menjadi punca kepada segala kejayaan dalam hidup.

"Menyuruh kita rajin tidak bererti selama ini kita hidup dalam kemalasan. Apa yang disarankan ialah supaya tahap kerajinan itu ditingkatkan," tambahnya. — *Bernamea*.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia